

PEGAWAI PENGUATKUASA AGAMA
BIDANGKUASA, MASALAH DAN
PENYELESAIANNYA

Olch

MOHAMMAD ZAMRI BIN ROSLAN

Kertas Projek ini adalah sebahagian daripada
keperluan Kursus Diploma Undang-Undang
dan Pentadbiran Kehakiman Islam
Sesi 1994/1995

*KULLIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
JUN 1995*

SEPERTAH KATA

Ku persembahkan penulisun ini:

Untuk Mu Ya Allah

Tiada *kekuatan* dan *kekuasaan* melainkan dengan keizinanMu.

Buat ayahbonda dan nendaku:

Kekuatan dan ketabahan jiwa dalam mendidik dan membesarkanku sentiasa dalam kenangan.

Buat guru-guruku:

Berkat tunjuk ajar kalian, diriku sentiasa menghargai dan memanfaatkan ertikata *kekuatan* dan *kekuasaan*.

Buat rakan dan taulan:

Persaudaraan dan persahabatan yang kukuh melahirkan *kekuatan* dan *kekuasaan* yang dikagumi dan digeruni.

Buat diriku:

Jadikanlah sabar dan solat sebagai sumber *kekuatan* dan *kekuasaan* demi menghadapi hari-hari muka yang penuh dugaan dan cabaran.

P E N G H A R G A A N

Pertamanya, penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah kurnia dan perkenanNya yang membolehkan latihan ilmiah ini dapat disempurnakan di dalam ruang masa yang agak terbatas.

Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia kertas projek ini, Yang Berbahagia Professor Tan Sri Dato' Harun Mahmud Hashim yang telah memberi bimbingan berupa masihat dan teguran kepada penulis di dalam menjayakan penyelidikan ini. Ucapan ini juga turut ditujukan kepada para pensyarah yang turut memberi sokongan dan kerjasama kepada penulis.

Penghargaan yang tinggi juga dirakamkan kepada Yang Berbahagia, Encik Abdul Hamid Abdul Manaf, Timbalan Pendakwa-Syarie Negeri Selangor dan Yang Berbahagia, Encik Hashim bin Muhammad, Ketua Pegawai Penguatkuasa Negeri Selangor kerana sudi meluangkan masa untuk diwawancara oleh penulis.

Ucapan terima kasih juga turut dilafazkan kepada pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Perpustakaan Utama Universiti Islam Antarabangsa di atas bantuan yang telah diberikan kepada penulis.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih ini ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan di atas bantuan dan sokongan yang telah kalian curahkan.

Akhir kata, penulis mendoakan agar segala bantuan dan kerjasama yang telah diberikan kepada penulis oleh pihak-pihak yang berkenaan mendapat ganjaran yang selayaknya daripada Allah Subhanahu Wataala.

I S I K A N D U N G A N

PERKARA	HALAMAN
Penghargaan	i
Isi kandungan	ii
Senarai Kependekan	vi
Senarai Statut	vii

BAB PERTAMA : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan Kajian	4
1.3 Metodologi Kajian	4
1.4 Masalah Kajian	6

BAB KEDUA : PENGUATKUASAAN AGAMA DARI KACAMATA ISLAM

2.1 Pengenalan	7
2.2 Takrif Al-Hisbah	7
2.3 Dalil Pensyariatan Al-Hisbah	
2.2.1 Al-Quran	9
2.2.2 Hadis	12
2.2.3 Ijma' Ulamak	14
2.4 Hukum Al-Hisbah	15
2.5 Sejarah Perkembangan Al-Hisbah	16

BAB KETIGA : BIDANGKUASA PENGUATKUASA AGAMA (AL-HISBAH)

3.1	Pengenalan	24
3.2	Bidangkuasa Penguatkuasa Agama Pada Zaman Dahulu ..	24
3.3	Bidangkuasa Penguatkuasa Agama Pada Zaman Sekarang.	29
3.4	Penubuhan dan Bidangkuasa Institusi PPA Menurut Perundangan Negeri Selangor	30
3.5	Kesimpulan	41

BAB KEEMPAT : MASALAH-MASALAH PEGAWAI PENGUATKUASA AGAMA

4.1	Pengenalan	42
4.2	Masalah-masalah PPA berdasarkan KPJS	
4.2.1	Kedudukan dan Taraf PPA	43
4.2.2	Bon Diri atau Jaminan	45
4.2.3	Keperluan Dua Orang Saksi Dalam Membuat Pernyataan	46
4.2.4	Penyiasatan Terhadap OKT dan Saksi	47
4.2.5	Pertentangan Di antara Kanun Kesiksaan dan KPJS	50
4.2.6	Peruntukan Imbuhan Kepada Pemberi Maklumat.	53
4.2.7	Pengawalan OKT di Mahkamah Syariah	54
4.3	Kesimpulan	55

BAB KELIMA : CADANGAN PEYELESAIAN MASALAH-MASALAH PPA

5.1	Pengenalan	56
5.2	Cadangan Penyelesaian Masalah-Masalah PPA	
5.2.1	Penambahan Kakitangan Dalam Proses Penyiasatan	57
5.2.2	Peruntukan Khas Imbuhan Kepada Pemberi Maklumat	57
5.2.3	Kerjasama dan Bantuan pihak Polis atau Penubuhan Pasukan Polis Syariah	58
	PENUTUP	60
	RIBLIOGRAFI	61

SENARAI KEPENDEKAN

KPJ	:	Kanun Prosedur Jenayah
KPJS	:	Kanun Prosedur Jenayah Syariah
OKT	:	Orang Kena Tuduh
PPA	:	Pegawai Penguatkuasa Agama

SENARAI STATUT

Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Akta Kastam 1967 dan Peraturan Kastam 1977

Akta Polis 1967

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor 1952 (pin-
daan 1989)

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984

Kanun Prosedur Jenayah

Kanun Prosedur Jenayah Syariah 1991



BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada dasarnya, manusia adalah merupakan makhluk yang paling mulia di sisi Allah S.W.T. Ini adalah disebabkan kurniaan akal yang dianugerahkan kepada mereka. Oleh itu, tidak hairanlah Allah S.W.T. telah melantik manusia sebagai Khalifah Allah atau sebagai penguasa untuk mentadbir dan memakmurkan bumi ini menurut garis panduan yang telah ditetapkan olehNya.

Bagaimanapun, keistimewaan manusia itu akan hilang apabila manusia menyeleweng daripada jalan dan peraturan Allah S.W.T.. Malah, taraf manusia akan menjadi seperti binatang, bahkan lebih teruk daripadanya. Firman Allah Subhanahu Wataala :

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿١﴾ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٢﴾

إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ

فَلَهُمْ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٣﴾

Maksudnya :

Sesungguhnya Kami telah mencipta manusia dengan bentuk yang sebaik-baiknya. Kemudian kami kembalikan tarafnya ke tahap yang paling rendah melainkan orang yang beriman dan beramal saleh. Bagi mereka ganjaran pahala yang besar".¹

1. Al-Quran, Surah Al-Tin (95), ayat 4-6.

Oleh kerana manusia mempunyai kelemahan, maka Allah telah mengutuskan Nabi-nabi dan Rasul-rasul untuk membimbing umat manusia ke arah jalan yang diredhaiNya. Tugas ini akhirnya disambung dan disempurnakan oleh Rasul yang terakhir untuk Nabi Muhammad S.A.W. Baginda diutuskan kepada seluruh umat manusia di atas muka bumi ini untuk memberi rahmat kepada seluruh alam. Ini telah ditegaskan oleh Allah Taala di dalam firmanNya :

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٧﴾

Maksudnya :

"Kami (Allah) tidak mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat kepada seluruh alam".²

Menurut ayat di atas, Rasulullah diutuskan untuk memberi rahmat kepada seluruh alam termasuk manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan dan alam sekeliling. Rasulullah s.a.w. menjalankan tugas berasaskan konsep Amar Ma'ruf Nahi Mungkar (**أَمْرٌ بِالْعُرُوفِ وَنَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ**) iaitu menyeru manusia ke arah perkara kebaikan dan mencegah mereka daripada melakukan kejahatan yang akan merosakkan mereka.

Tambahan pula, satu lagi keistimewaan umat Nabi Muhammad ialah adanya amalan tazkirah (**تَذْكِرَةٌ**) iaitu ingatkan-peringati di antara satu sama lain. Hal ini telah dinyatakan oleh Allah Taala di dalam firmanNya :

2. Al-Quran, Surah Al-Anbiya'(21), ayat 107.

فَذَكِّرْ إِن نَّفَعَتِ الذِّكْرَىٰ ۝١

Maksudnya :

Berilah peringatan sekiranya ingat-memperingati itu memberi manfaat (dan sudah tentu berguna)".³

Amalan tazkirah amat berguna di dalam menyedarkan manusia yang alpa dan lalai daripada menjalankan tanggungjawabnya sama ada kepada Allah, terhadap sesama manusia atau terhadap alam sekeliling. Bagaimanapun, pendekatan ini hanya berkesan terhadap golongan yang mudah serta sedia menerima nasihat dan tunjukajar. Manakala golongan manusia yang semanganya sukar untuk diperbetulkan dengan jalan diplomasi, tindakan yang lebih tegas iaitu penguatkuasaan undang-undang perlu diambil bagi memastikan peraturan agama dipatuhi.

Penguatkuasaan agama telah dipraktikkan sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Peredaran zaman yang menyaksikan perubahan corak kehidupan manusia turut mempengaruhi perjalanan dan bentuk penguatkuasaan agama. Pada zaman moden ini, perubahan tersebut adalah lebih ketara lagi memandangkan bidangkuasa penguatkuasa agama telah dihadkan atau dikhususkan kepada skop tertentu sahaja. Walaupun fenomena ini mempunyai kesan positif, namun ia tetap membawa kesan sampingan yang negatif terhadap perjalanannya.

Persoalannya apakah permasalahan ini akan terus diabaikan berlarutan tanpa kesudahan. Hanya tindakan yang

.Al-Quran, Surah Al-A'la (87), ayat 9.

benar-benar konkrit sanaja yang dapat mengubah keadaan.

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk :

- 1.2.1 Membandingkan konsep penguatkuasaan agama dahulu dan sekarang dari segi bentuk, struktur, pelaksanaan, strategi dan sebagainya;
- 1.2.2 Mengkaji masalah-masalah yang menghalang keberkesanan perjalanan Penguatkuasaan Agama; dan
- 1.2.3 Mengenal pasti cara-cara dan bentuk-bentuk potensi yang boleh dimanfaatkan oleh pihak Penguatkuasa Agama dalam menghadapi zaman moden yang mencabar ini.

Adalah diharapkan agar melalui langkah-langkah tersebut, ianya sedikit sebanyak akan merintis jalan penyelesaian terhadap kemelut yang membelenggu tugas pihak Penguatkuasaan Agama pada masa kini.

1.3 Metodologi Kajian

Di dalam menjalankan penyelidikan ini, penulis telah menggunakan beberapa metod dalam usaha untuk mendapatkan

maklumat-maklumat yang berkaitan dan dikehendaki oleh tajuk kajian ini. Di antara metod-metod tersebut ialah :

1.3.1 Kajian Perpustakaan

Metod ini merupakan intisari kepada penyelidikan penulis. Ianya membolehkan penulis mendapat gambaran awal dan seterusnya membantu di dalam mendalami tajuk kajian ini. Ini memerlukan penulis mengkaji buku-buku, tesis-tesis, suratkhabar dan sebagainya.

Selain daripada itu, metod ini juga meliputi kajian di Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri terutama di Jabatan Agama Islam Negeri Selangor Darul Ehsan.

1.3.2 Metod Temubual

Penulis telah menggunakan metod ini untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut ataupun yang tidak terdapat di dalam bahan-bahan bertulis di perpustakaan. Dalam kajian ini, penulis telah menemubual dua orang pegawai Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) iaitu :

i. Yang Berbahagia, Encik Abdul Hamid Abdul Manaf, Timbalan Pendakwaraya Syarie; dan

ii. Yang Berbahagia, Encik Hashim bin Muhammad, Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama.

1.4 Masalah Kajian

1.4.1 Kesuntukan Masa

Masalah ini merupakan yang paling utama di mana ianya memberi kesan di dalam usaha untuk kajian ini. Penulis terpaksa membahagi-bahagikan masa di antara tugas penyelidikan ini dengan tugas-tugas lain seperti pembelajaran akademik, aktiviti masyarakat dan sebagainya.

1.4.2 Kekurangan Maklumat Daripada Bahan-bahan Bertulis

Masalah ini agak ketara di dalam, kajian perpustakaan di mana sebahagian bahan maklumat yang penting tidak dapat dikesan. Ini menyebabkan penulis tidak dapat membuat kajian secara mendalam mengenai beberapa aspek tertentu.

1.4.3 Masalah Di Dalam Proses Temubual

Masalah ini berkait rapat dengan penentuan masa yang sesuai bagi majlis temubual disebabkan para responden yang ingin ditemui mempunyai aturcara rasmi yang agak ketat. Walaubagaimanapun, adalah diharapkan agar beberapa responden yang sempat ditemubual dapat menampung kekurangan ini.

BAB KEDUA

**PENGUATKUASAAN
AGAMA DARI
KACA MATA ISLAM**

BAB KEDUA


PENGUATKUASAAN AGAMA DARI KACAMATA ISLAM

2.0 Pendahuluan

Sejak zaman permulaan Islam, hal-ehwal penguatkuasaan agama diberi perhatian yang sewajarnya. Walaupun bentuk perlaksanaannya pada zaman itu agak ringkas berbanding dengan masa kini yang lebih kompleks, namun matlamatnya adalah sama iaitu memastikan umat Islam mematuhi peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Allah dan RasulNya serta mencegah mereka daripada melanggarnya.

Dari sudut kacamata Islam, penguatkuasaan agama adalah berasaskan konsep AL-HISBAH. Untuk memahami konsep ini dengan lebih jelas, adalah lebih baik bagi kita untuk menyingkap latarbelakangnya terlebih dahulu.

2.1 Takrif Al-Hisbah

Dari segi bahasa, ia bermaksud "ihtisab" () iaitu meneliti, mentadbir, melihat, mencegah orang lain daripada melakukan kemungkaran; atau mendapat balasan seperti seseorang yang melakukan kebaikan untuk mendapat balasan

(hisbah) daripada Allah S.W.T.¹

Dari segi istilah, terdapat beberapa takrif yang diberikan oleh para ulamak. Di antaranya, Al-Mawardi telah mentakrifkan Al-Hisbah sebagai "menyeru supaya melakukan kebaikan (makruf) jika ternyata ia ditinggalkan dan mencegah daripada melakukan kejahatan (mungkar) apabila ternyata ianya dilakukan".²

Manakala Ibnu Khaldun pula mentakrifkan Al-Hisbah sebagai : "suatu tugas keagamaan yang berkaitan dengan soal menyeru kepada melakukan kebaikan (makruf) dan mencegah daripada melakukan kejahatan (mungkar).³

Yang dimaksudkan dengan "makruf" ialah setiap tindakan sama ada berbentuk tuturkata atau perbuatan yang dipandang baik dan diperintah oleh syara'. Manakala "mungkar" pula bermaksud setiap tindakan sama ada berbentuk tuturkata atau perbuatan yang dicela dan ditegah oleh syara'.⁴

1. Abdul Al-`Autwah, *Muhadarah Fi Nizam Al-Qada' Fi Al-Islam*, (Mesir : Maktabah Al-Ahram, 1969), m.s. 78.

2. Abi Al-Hassan Ali bin Mohammad Al-Mawardi, *Al-Ahkam Al-Sultaniyah*, (Mesir : Dar Al-Fikr, 1404H / 1983M), m.s. 207.

3. Ibnu Khaldun, *Muqaddimah*, m.s. 576.

4. Mohammad Salam Madkur, *Al-Qada' Fi Al-Islam*, (Mesir : Dar Al-Nahdah Al-Arabiyyah, 1964), m.s. 147.

2.2 Dalil Pensyariatan Al-Hisbah

Keperluan terhadap penubuhan institusi Al-Hisbah diperkuatkan lagi dengan bukti-bukti daripada Al-Quran, Hadis dan Ijma' ulamak. Berikut disenaraikan dalil-dalil daripada Al-Quran dan Hadis:

2.2.1 Al-Quran

(i) Firman Allah Taala :

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ
وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya :

"Dan hendaklah ada di antara kamu satu golongan yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan dan menyuruh berbuat perkara yang baik serta melarang daripada segala perkara yang buruk (kemungkaran)".⁵

Berasaskan ayat di atas, perkataan (**مِنْكُمْ**) bermaksud (**لِلْبَعْضِ**) yakni tugas sebahagian daripada umat Islam. Oleh yang demikian, hukum melaksanakan tugas ini adalah fardhu kifayah.⁶

(ii) Allah Taala juga berfirman :

5. Al-Quran, Surah Ali Imran (3), ayat 104.

6. Abu Abdullah Mohd. b. Ahmad Al-Ansari Al-Qurtubi, Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran, Juzuk 4, (Beirut : Dar Ihya' Al-Turas Al-Arabi, 1966), m.s. 165.

الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا
 الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا
 بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ
 وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

Maksudnya

"....Iaitu mereka (Umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di muka bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang serta mengeluarkan zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang daripada melakukan kejahatan (kemungkaran). Dan ingatlah bagi Allah jualah kesudahan segala urusan".

(iii) Seterusnya Allah Taala berfirman :

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ
 الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ
 مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Ertinya :

"Kamu (wahai Umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara kebaikan dan melarang daipada melakukan perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu beriman kepada Allah".⁸

Demikianlah umat Muhammad diberikan keistimewaan oleh

7. Al-Quran, Surah Al-Hajj (22), ayat 41.

8. Al-Quran, Surah Ali Imran (3), ayat 110.

Allah S.W.T. sebagai umat terbaik yang menjadi contoh tauladan kepada umat-umat yang lain selagi mana mereka tetap melaksanakan tiga dasar Islam yang utama iaitu menyuruh berbuat kebaikan, melarang daripada melakukan kejahatan serta beriman kepada Allah dengan sebenar-benar keimanan.

(iv) Firman Allah Taala :

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ
سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Maksudnya :

"Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, sebahagiannya menjadi penolong kepada sebahagian yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan, dan mereka mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana".⁹

Dalam ayat di atas, Allah Taala menjelaskan mengenai sifat orang-orang yang beriman, sama ada lelaki atau perempuan, yang sentiasa bekerjasama dan bantu membantu di antara satu sama lain dalam menjalankan perintah Allah termasuk menyeru kepada kebaikan dan melarang daripada melakukan kejahatan. Sifat-sifat ini adalah berlawanan dengan sifat orang-

9. Al-Quran, Surah Al-Taubah (9), ayat 71.

orang munafik yang sentiasa bekerjasama sesama mereka dalam menyeru kepada kemungkaran dan melarang daripada berbuat kebaikan.¹⁰

2.2.2 Hadis

(i) Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda :

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُضَرِّهِ يَدَهُ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فِلِسَانِهِ
فَأَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ دِينًا

Ertinya :

"Sesiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah ia membetulkannya dengan tangannya. Jika ia tidak mampu, hendaklah dengan lidahnya. Jika ia tidak mampu juga, hendaklah dengan hatinya. Itulah selemah-lemah iman".¹¹

Hadis di atas menjelaskan mengenai tugas seorang yang melihat kemungkaran yang berlaku di hadapannya supaya membetulkannya menurut kemampuannya. Jika ia mampu, kemungkaran

10. Dr. Wahbah Al-Zuhaili, Al-Tafsir Al-Munir, Juzuk 10, (Beirut : Dar Al-Fikr Al-Ma'aasir) , cetakan pertama 1991, m.s. 304.

11. Riwayat Muslim, sila lihat Imam Abdul Rahman bin Ali, Ibn Al-Diba' Al-Shaibani, Tafsir Al-Usul Ila Jami' Al-Usul, Jilid 1, (Kahirah) m.s. 33.

itu hendaklah dicegah dengan tangan yakni dengan kuasa yang ada padanya. Jika tidak, memadailah dengan lisan atau perkataan secara nasihat atau pujukan. Selain daripada itu, pencegahan dengan tulisan juga termasuk dalam kategori ini. Jika ia tidak mampu melakukan kedua-dua cara tersebut, maka ia hendaklah membetulkannya dengan hati sama ada menunjukkan tanda tidak bersetuju atau tidak memberi kerjasama. Cara yang terakhir ini adalah tanda selemah-lemah iman dalam menegakkan ma'ruf dan mencegah kemungkaran.

(ii) Dalam satu hadis yang lain, Rasulullah s.a.w. bersabda :

Ertinya :

"Hendaklah kamu menyuruh menegakkan ma'ruf dan meninggalkan kemungkaran. Jika tidak, orang-orang yang jahat di kalangan kamu akan menguasai kamu. Pada masa itu, seruan kebaikan yang dilakukan oleh orang-orang yang baik di kalangan kamu tidak akan didengar lagi".¹²

(iii) Pada satu ketika yang lain, Rasulullah s.a.w. bersabda :

12. Al-Hafiz Jalaluddin Abdul Rahman Al-Sayuti, Al-Jami' Al-Saghir, Jilid 2, (cetakan Mesir), m.s. 344.